

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/10/2007

Terajui perubatan alternatif

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi peneraju industri ubat alternatif yang semakin popular dan mempunyai pasaran global melebihi RM200 bilion, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, pembukaan Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari (TCM) di Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang semalam diyakini akan membuahakan kejayaan.

"Langkawi boleh menawarkan perubatan komplementari, rawatan tradisional dan terapeutik serta bekerjasama dengan rawatan aleopatik yang ditawarkan di Pulau Pinang.

"Seperti keupayaan perubatan kita ini, kita perlu bekerja keras untuk mem-

peringkatkan penjagaan kesihatan di dalam negara, memelihara kesihatan rakyat Malaysia dan menjadikan Malaysia destinasi pelancongan perubatan yang terulung," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-10 Persatuan Pembedahan Torasik dan Kardiovaskular Malaysia di sini, hari ini.

Mesyuarat dua hari yang menghimpunkan 200 ahli perubatan termasuk dari Jepun, Singapura, Australia dan Thailand itu turut dihadiri Presiden persatuan tersebut, Datuk Dr. Venugopal Balchand.

Abdullah memberitahu, Pulau Pinang yang mengetuai industri pelancongan perubatan Malaysia akan terus dipromosikan sebagai hab pelancongan perubatan Asia.

"Kira-kira 30 hingga 40 peratus daripada pesakit yang mendapat rawatan di Pulau

Pinang datang dari luar negara," katanya.

Sementara itu, pada sidang akhbar kemudiannya, Perdana Menteri memberitahu, bidang kardiotorasik tempatan telah bermula 25 tahun lalu dan mencapai kejayaan yang amat membanggakan.

"Sebenarnya 25 tahun bukanlah masa yang panjang sangat tapi kejayaan yang kita peroleh adalah tinggi dan Institut Jantung Negara pun sudah terkenal sebagai antara yang terbaik di dunia.

"Dalam bidang rawatan kardiotorasik, memang kita telah membuktikan kemampuan, kebolehan dan menunjukkan kepakaran pada standard yang tinggi, membawa banyak pesakit dari luar negara untuk mendapat rawatan.

"Saya harap akan dapat ditingkatkan lagi tahap kepakaran ini dan apa yang diperlukan dari segi alat-alat, saya harap mereka akan dapat memperoleh semua

ini," tambah beliau.

Justeru, Perdana Menteri mahukan tenaga paramedik ditambah dengan menawarkan lebih banyak tempat dalam pengajian perubatan di dalam dan luar negara.

Ini perlu, jelas beliau, kerana ramai jururawat dan pakar perubatan tempatan memilih untuk bekerja di luar negara kerana ditawarkan gaji yang lebih baik.

Menurut Abdullah, kerajaan akan terus menyediakan standard, kehidupan dan persekitaran hospital yang terbaik.

"Hospital-hospital kita yang baru adalah lebih selesa, tidak sesak dan dilengkapi peralatan yang terbaik serta terkini.

"Jadi, kalau mereka terus hendak cari gaji yang lebih, mereka akan terus ke luar negara.

"Perkara ini berlaku di mana-mana sahaja, bukan sahaja di Malaysia," ujarnya.

UM - 28/10/2007

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION